



A500538261

INV
FBN 8062

AL-QIRA'AT AL-QUR'ANIYYAT SEBAGAI SATU
ASPEK FONOLOGI BAHASA ARAB

EMRAN BIN HJ. BAKAR

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN
KEPADА UNIVERSITI MALAYA UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA
PENGAJIAN BAHASA MODEN

PUSAT BAHASA
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1995M/1415H.

Dimikrofiskan pada..... 16-09-99
No. Mikrofis..... 14291
Jumlah Mikrofis..... 3

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

Jay
UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

PER. UTAMA-UM



A011302995

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :
خيركم من تعلم القرآن وعلمه

Ertinya :

*Sebaik-baik orang di antara kamu adalah orang yang
mempelajari Al-Qur'an dan mengajarkannya.*

DEDIKASI

Ku serahkan segala-galanya kepada Allah Rabbul Jalil
Dan
Ku hadiahkan usahaku ini kepada
Yang kucintai dan lagi disayangi
Ayah dan Bonda
Kakak, Isteri dan anak
Adik-adik sekalian
Semoga kalian semua
Sentiasa berbahagia dan diberkati Allah
Di dunia dan di akhirat

Kepada
Sahabat-sahabat sejemaah
Istiqamahlah..... di jalan kebenaran
Teruskan perjuangan hingga ke akhir hayat

Juga kepada
Yang sentiasa membimbingku
Membantu dan mengajarku
erti kematangan
Dan
erti sebuah kehidupan
Agar Allah sentiasa memberi keredhaan
Di dunia dan di akhirat

Akhirnya kepada
Semua sahabat-sahabatku
Terima kasih di atas segala nasihat dan pertolongan ...
Segala-segalanya tetap dikenang dan dihargai
Jazakumullahukhayra

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عَوْجًا.
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ الْهَادِيِّ إِلَى طَرِيقِ الرَّشادِ ،
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَبَعْدَ :

Penulis mengucapkan setinggi kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, keizinanNya serta taufiq dan hidayatNya, penulis telah dapat menyiapkan disertasi ini di dalam keadaan yang serba kekurangan. Tanpa keizinan, taufiq dan hidayatNya, sudah tentu tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Pertamanya, ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta rasa terhutang budi ingin penulis rakamkan buat penyelia saya iaitu yang berbahagia, Tuan Hj. Megat Rus Kamarani Bin Megat Wah, di atas kesabaran beliau di dalam membimbing, menunjuk ajar serta dorongan dan kritikan yang membina kepada penulis di dalam usaha penulis untuk menyiapkan disertasi ini. Segala tunjuk ajar dan nasihat yang beliau berikan akan sentiasa dikenang dan disanjung, Jazakumullahukhayra.

Ucapan jutaan terima kasih ingin penulis tujukan kepada Pengarah Pusat Bahasa, Universiti Malaya, Prof. Dato' Dr. Asmah Hj. Omar yang tidak pernah jemu dalam memberikan buah fikiran serta nasihat-nasihat yang amat berharga. Sifat kasih beliau yang sentiasa

mengambil berat terhadap perkembangan kajian penulis sangat dihargai, Jazakumullahukhayra.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ingin penulis tujukan kepada Pengerusi Bahagian Bahasa Arab, Pusat Bahasa, Universiti Malaya, al-Fadhil al-Ustaz Mohammad Zaki Bin Abdul Rahman kerana beliau telah banyak memberi dorongan, galakan dan bimbingan malah bersedia memberi berbagai bahan rujukan sehingga disertasi ini dapat diselesaikan dengan sempurna dan juga tidak ketinggalan penulis merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah-pensyarah kursus sarjana Pengajian Bahasa Moden di Pusat Bahasa Universiti Malaya yang telah banyak mencerahkan ilmu kepada penulis. Penulis juga amat menghargai segala kerjasama dan bantuan dari semua kakitangan Pusat Bahasa di sepanjang pengajian penulis. Ucapan jutaan terima ingin penulis tujukan kepada Ketua Jabatan Bahasa Al-Qur'ān UIA yang telah memberi kebenaran kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran secara sambilan di bidang kursus sarjana Pengajian Bahasa Moden di Pusat Bahasa, Universiti Malaya, di samping itu juga tidak ketinggalan ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada Encik Zaharin dan Puan Zaleha yang begitu banyak bersusah payah menolong penulis di dalam persediaan disertasi ini, tanpa pertolongan mereka disertasi ini tidak dapat disiapkan dengan baik, Jazakumullahukhayra.

Akhir sekali, penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu dan bapa penulis, Hajjah Zainab Bt. Hj. Mohammad Noor dan Hj. Bakar Bin Hj. Hanafiah, isteri dan anak penulis, Azizah Bt. Mohammad Redzi dan Fatimah Bt. Emran, serta semua ahli keluarga penulis yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan dan kesejahteraan penulis.

Segala jasa dan pengorbanan mereka tetap kekal abadi di dalam ingatan penulis dan Allah sahajalah yang akan membala segala jasa baik mereka itu, Jazakumullahukhayra.

Sekian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته .

Emran Hj. Bakar

Pusat Bahasa

Universiti Malaya

59100 Kuala Lumpur.

April 1995M/ZulQe'dat 1415H.

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ilmiah ini ialah untuk mengkaji dan mengetahui tentang kepelbagaiannya membaca kitab suci Al-Qur'an, atau dalam pengertian lain sejauh mana atau berapa carakah yang telah dibenarkan oleh Allah s.w.t. terhadap makhluknya di dalam pembacaan Al-Qur'an.

Al-Qur'an adalah merupakan kitab suci yang terakhir diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. iaitu rasul yang terakhir diutuskan kepada sekalian umat atau keseluruhan kaum yang terdapat di dunia ini. Umat Islam wajib mempelajari kitab suci Al-Qur'an serta menghayati isi kandungannya kerana ia merupakan perlembagaan umat Islam.

Al-Qur'an tidak dibenarkan membaca mengikut kehendak atau sesuka hati, di sana terdapat beberapa peraturan membaca dan menutur atau mengujar huruf-huruf Al-Qur'an, ianya dinamakan ilmu Tajwid. Umat Islam wajib mempelajari ilmu ini untuk memelihara lidah daripada kesalahan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an ketika membacanya. Maka berdosalah pembaca Al-Qur'an yang tidak mengetahui ilmu tajwid ketika membacanya.

Kajian ini telah dibahagikan kepada empat bab sahaja dan tiap-tiap bab dibahagikan pula kepada tajuk-tajuk kecil bagi memudahkan pembaca dalam memahami kajian ini secara keseluruhannya.

Bab pertama adalah merupakan bab pendahuluan, bab ini mengandungi objektif kajian, metodologi kajian, susunan penulisan dan di akhir bab ini dihuraikan dengan jelas tentang pengertian tajuk. Di dalam kajian ilmian ini, penulis membincangkan dengan panjang lebar tentang Qirā'at di dalam bab kedua, perbincangan ini merangkumi asal usul Al-Qur'ān, definasi Al-Qirā'āt daripada sudut bahasa dan istilah, sejarah kelahiran ilmu Al-Qirā'āt, dan di akhir bab ini dimuatkan juga sejarah para qura' dan riwayat hidup mereka.

Al-Qur'ān diturunkan dalam Bahasa Arab, orang-orang Arab terdiri daripada berbagai-bagai qabilah dan setiap qabilah pula mempunyai dialek-dialek tertentu. Adalah menjadi sukar kepada mereka untuk mengubahkan sebutan yang pernah menjadi kebiasaan kepada mereka kepada sebutan yang lain. Di antara contohnya ialah :

- i. Qabilah Tamim, Qays dan Asad menukar huruf hamzah (ء) dengan huruf 'ayn (ع). Mereka menyebut perkataan أى menjadi عنى .
- ii. Qabilah Huzayl menukarkan huruf ح (ح) dengan huruf 'ayn (ع). Perkataan حلت mereka menyebut علت .
- iii. Qabilah Tay, bani Sa'ad, Quda'at dan setengah Bani Tamim menukarkan ي (ي) bertanda syaddah (ؑ) dengan huruf jim (ج). Mereka menyebut perkataan ابو على menjadi ابو علچ .
- iv. Qabilah Quda'at menukarkan huruf sin (س) dengan huruf ta' (ت). Mereka menyebut perkataan الناس menjadi النات .

v. Qabilah Sa'd bin Bakr, Huzayl dan Al-Azd menukarkan huruf 'ayn (ع) yang bertanda sukun (ـ) dengan huruf "nun" (ن). Perkataan تُطْهِي menjadi تُطْهِي dan banyak lagi contoh-contoh yang lain jika hendak disebutkan di sini.

Jikalau lah orang-orang Arab sendiri yang terdiri daripada berbagai-bagi qabilah dan dialek pun tidak mampu hendak menyebut perkataan dan huruf abjad Arab. Bagaimanakah pula dengan orang yang bukan Arab? Jawabnya tentulah lebih susah lagi terutamanya orang-orang di Malaysia yang tidak pernah mendengar dan menyebut huruf-huruf tersebut.

Di antara huruf abjad Arab yang menjadi susah untuk disebut oleh orang yang Bukan Arab ialah huruf ta' (ط), qad (ڇ), sad (ڻ), za' (ڙ), kha' (ڂ), ghyn (ڦ), ha' (ڦ) dan 'ayn (ع). Di samping itu juga mereka tidak tahu hendak membezakan sebutan di antara huruf (ط) dengan huruf (ت), huruf (ڇ) dengan huruf (ڏ), huruf (ڻ) dengan huruf (س), huruf (ڙ) dengan huruf (ڢ), huruf (ڦ) dengan huruf (ح), huruf (ڦ) dengan huruf (ع), huruf (ڦ) dengan huruf (ق). Ini adalah disebabkan huruf abjad tersebut jarang digunakan di dalam Bahasa Malaysia dan ada setengahnya pula tidak terdapat di dalam bahasa Malaysia.

Inilah dia permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam yang bukan berbangsa Arab. Permasalahan ini berpunca daripada organ-organ artikulasi seseorang itu yang telah dibiasakan sejak dari kecil lagi menutur dan mengajar huruf bahasa ibundanya. Hasil daripada itu organ artikulasi tadi pun terbentuklah dengan cara sebutan tersebut dan di waktu yang sama juga anggota pendengaranpun merakamkan sebutan itu sehingga ia dapat membezakan di antara satu sebutan

dengan sebutan yang lain. Tetapi apabila ia mendengar sebutan huruf bahasa yang lain (bahasa asing) di mana huruf tersebut tidak terdapat di dalam bahasa ibundanya, nescaya ia akan menilaikan sebutan huruf tadi yang paling hampir dengan sebutan huruf yang terdapat di dalam bahasa ibundanya. Contohnya orang melayu yang tidak pernah mendengar sebutan huruf (ض) dan huruf (ق). Apabila ia mendengar sebutan kedua huruf ini, seolah-olahnya ia mendengar sebutan huruf (د) dan huruf (ك), kerana kedua sebutan huruf tadi berhampiran dengan huruf (ض) dan (ق). Oleh itu perkataan (قل) disebutkan kepadanya ia menyangka sebutan (كل), dan disebutkan perkataan (الضالين) kepadanya, ia mendengar perkataan itu seolah-olah disebut (الدالين) dan begitu juga seterusnya.

Sekiranya umur pelajar itu masih muda, organ artikulasi ini dapat diperbetulkan lagi dengan cara mengajar serta menunjukkan daerah artikulasi huruf yang baru itu. Jika umurnya sudah tua, maka bertambah susah untuk mengajar menyebut huruf tadi kerana organ artikulasinya dan anggota pendengarannya sudah menjadi sebatи dengan huruf yang terdapat di dalam bahasa ibundanya dan sukar untuk diperbetulkan lagi. Walau bagaimanapun Allah s.w.t. telah memberi beberapa kemudahan kepada hambanya di dalam pembelajaran dan pembacaan Al-Qur'ān.

Dalam hal ini penulis bentangkan dengan panjang lebar di dalam bab ketiga. Bab ini membincangkan berkenaan sejarah bahasa Arab, perhubungannya bahasa Arab dengan dialek, pengertian lughat dan dialek, pandangan ahli bahasa terhadap dialek, hubungan dialek dengan Al-Qiraāt dan di akhir bab ini dimuatkan beberapa contoh lafaz

Al Qur'ān yang dipertuturkan oleh setengah qabilah dan manakala qabilah lain pula tidak menggunakannya.

Hasil daripada bab yang telah dikemukakan, penulis membuat kesimpulan dan saranan di dalam bab keempat ini, iaitu bab yang terakhir di dalam kajian ilmiah ini

Di sini dapatlah difahamkan bahawa kesulitan dan kesilapan yang wujud dalam pembelajaran Al-Qur'ān dan bahasa Arab itu adalah disebabkan gangguan daripada bahasa ibundanya. Jika huruf abjad dan struktur bahasa Arab itu agak sama dengan bahasa ibundanya, masalah gangguan tidak begitu rumit. Sebaiknya, jika huruf dan struktur bahasa tersebut jauh berlainan, maka masalah pembelajaran makin bertambah.

Hasil daripada kajian ilmiah ini, Insya Allah akan mendatangkan beberapa kemudahan dan cara yang lebih baik dan mudah serta bersistem bagi umat Islam yang bukan berbangsa Arab di dalam pembelajaran Al-Qur'ān dan bahasa Arab.

Masalah Kajian

Dalam menyiapkan kajian ini penulis menghadapi beberapa masalah. Walau bagaimanapun masalah ini adalah merupakan perkara biasa yang akan dihadapi oleh sesiapa sahaja yang ingin menyiapkan sesuatu kajian ilmiah.

Perkara pertama yang penulis telah hadapi ialah tentang masalah kesuntukan masa kerana kajian ini dibuat dalam keadaan separuh masa. Penulis terpaksa membahagikan masa dengan begitu teliti sekali disebabkan tugas pengajaran yang banyak terpaksa diutamakan. Penumpuan penuh kepada kajian ini hanya dapat diberikan semasa cuti universiti sahaja.

Permasalahan kedua ialah bahan-bahan rujukan tidak begitu mencukupi untuk penulis membuat kajian secara lebih terperinci. Mengikut pengalaman yang diperolehi daripada usaha penulisan ini, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa kebanyakan perpustakaan yang terdapat di negara ini tidak banyak menyimpan buku-buku yang berkaitan dengan kajian linguistik bahasa Arab dan Al-Qira'at. Buku-buku tersebut sudah begitu banyak dan mudah diperolehi di negara-negara Timur Tengah.

Dengan yang demikian penulis beranggapan bahawa umat Islam di negara ini tidak begitu berminat untuk mendalami pengajian Al-Qira'at dan bahasa Arab walaupun ia merupakan faktor penting dalam memahami kitab suci Al-Qur'an yang merupakan perlumbagaan umat Islam.

Masalah yang terakhir sekali ialah berhubung dengan kesukaran menterjemahkan beberapa istilah dari bahasa Arab ke dalam Bahasa Malaysia. Ini disebabkan kebanyakan bahan rujukan yang digunakan di dalam kajian ilmiah ini adalah dicetak di dalam Bahasa Arab. Setengah daripada perkataan Arab terpaksa dituliskan ke dalam bahasa Arab di dalam huruf rumi (latin) kerana tidak dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.

**PEDOMAN TRANSLITERASI HURUF ARAB
KE HURUF RUMI**

HURUF ARAB

ا ب ج ت ث ح خ د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ک

HURUF RUMI

b t th j h kh d dh r z s sy s d t z gh f q k

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada diftong .

1. Pendek

<u>/</u>	a
<u>—</u>	i
<u>\</u>	u

2. Panjang

l	—	ā
ـ	—	ī
ـ	—	ū

3. Diftong

ـــ	—	ay
ـــ	—	aw

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Abstrak	v
Masalah Kajian	x
Pedoman Transliterasi	xii
Kandungan	xiv
Senarai Singkatan Kata	xvii
Pedoman Daftar Surah-surah Al-Qur'an	xviii

BAB PERTAMA

1.1	Mukaddimah	1
1.2	Objektif Kajian	14
1.3	Metodologi Kajian	14
1.4	Susunan Penulisan	16

BAB KEDUA

AL-QIRĀ'AT

2.1	Asal-Usul Al-Qirā'at	22
2.2	Definasi Al-Qirā'at	27

2.3	Sejarah Pertumbuhan Al-Qira'at, Pembukuan,Jenis-jenisnya Dan Rukunnya	
2.3.1	Sejarah Pertumbuhan Al-Qirā'āt	29
2.3.2	Pembahagian Al-Qirā'āt dan Jenis-jenisnya	35
2.3.3	Pembukuan Qirā'āt	37
2.3.4	Rukun Qirā'āt	41
2.4	Sejarah Para Qurra' Dan Riwayat Hidup Mereka	
2.4.1	Sejarah Para Qurra'	44
2.4.2	Riwayat Hidup Qari-Qari Yang Tujuh	49

BAHAGIAN KETIGA

BAHASA ARAB DAN DIALEK-DIALEK

3.1	Sejarah Bahasa Arab	64
3.2	Lughat (Bahasa) Arab Dan Kemunculan Dialek Serta Hubungan keduanya	70
3.3	Pandangan Ahli-Ahli Bahasa Arab Terhadap Dialek	86
3.4	Hubungan Lahajat (Dialek-Dialek) Dengan Qirā'āt	88
3.4.1	Perbezaan Dialek-dialek Árab Dari Sudut Sebutan	97
3.4.2	Pendapat-pendapat ulamak mengenai tujuh huruf	111
3.4.3	Hikmah dan faedah Al-Qirā'āt	135

3.4.4	Aspek-aspek yang menyebabkan berlakunya perbezaan dialek	139
3.4.5	Perselisihan Pendapat Para Qurrā' Tentang Penyebutan Beberapa Lafaz Di Dalam Al-Qur'ān	153
3.4.6	Contoh Lafaz-lafaz Qabilah Di Dalam Al-Qur'ān	166

BAB KEEMPAT

KESIMPULAN DAN PENUTUP

4.1	Al-Qirā'at Sesuai Dikembangkan Di Malaysia	170
4.2	Al-Qirā'at Tidak Berkembang Di Malaysia	174
4.3	Saranan	178
	Glosari	181
	Bibliografi	185

SENARAI SINGKATAN KATA

a.s.	=	'Alaihi - salam
Dr.	=	Doktor
H	=	Hijrah
Jld.	=	Jilid
k.w.	=	KarramalLahu Wajhahu
ms.	=	Muka surat
M	=	Masihi
r.a	=	RadiyalLahu 'anhu
s.a.w	=	SallalLahu 'alayhi wasallam
s.w.t	=	Subhanahu wa Ta'ala
s.m	=	Sebelum Masihi
t.t	=	Tanpa Tarikh

PEDOMAM DAFTAR SURAH-SURAH AL-QUR'AN

- | | | | |
|-----|-------------|-----|-------------|
| 1 | Al-Fatihah | 2. | Al-Baqarat |
| 3 | Ali 'Imrān | 4. | Al-Nisā' |
| 5 | Al-Maidat | 6. | Al-'An'ām |
| 7 | Al-'Arāf | 8. | Al-'Anfāl |
| 9 | Al-Taubat | 10. | Yūnus |
| 11 | Hūd | 12. | Yūsuf |
| 13. | Al-Ra'd | 14. | Ibrāhīm |
| 15. | Al-Hijr | 16. | Al-Nahl |
| 17. | Al-Isrā' | 18. | Al-Kahf |
| 19. | Maryam | 20. | Tāhā |
| 21. | Al-'Anbiyā' | 22. | Al-Haj |
| 23 | Al-Mu'minūn | 24. | Al-Nur |
| 25. | Al-Furqān | 26. | Al-Syu'arā' |

27	Al-Naml	28.	Al-Qasas
29	Al-'Ankabut	30.	Al-Rūm
31	Luqmān	32.	Al-Sajdat
33.	Al-Ahzāb	34.	Saba'
35	Fātir	36.	Yāsin
37	Al-Saffāt	38.	Sad
39.	Al-Zumar	40.	Al-Mu'min
41.	Fussilat	42.	Al-Syurā
43.	Al-Zukhruf	44.	Al-Dukhan
45.	Al-Jāthiyat	46.	Al-Āhqāf
47.	Muhammad	48.	Al-Fath
49.	Al-Hujurāt	50.	Qaf
51.	Al-Dhāriyāt	52.	Al-Tūr
53.	Al-Najm	54.	Al-Qamar
55.	Al-Rahmān	56.	Al-Waqi'at

- | | | | |
|-----|---------------|-----|----------------|
| 57. | Al-Hadīd | 58. | Al-Mujādalat |
| 59. | Al-Hasyr | 60. | Al-Mumtahinat |
| 61. | Al-Saf | 62. | Al-Jumā'at |
| 63. | Al-Munāfiqūn | 64. | Al-Taghābun |
| 65 | Al-Talaq | 66. | Al-Tāhrim |
| 67. | Al-Mulk | 68. | Al-Qalam |
| 69. | Al-Haqqaṭ | 70. | Al-Ma'ārij |
| 71. | Nūḥ | 72. | Al-Jin |
| 73. | Al-Muzammil | 74. | Al-Muddaththir |
| 75. | Al-Qiyāmat | 76. | Al-Insān |
| 77. | Al-Mursalāt | 78. | Al-Naba' |
| 79. | Al-Nāzi'at | 80. | 'Abasa |
| 81. | Al-Takwīr | 82. | Al-Infīṭar |
| 83. | Al-Mutaffifīn | 84. | Al-Insyiqāq |

- | | | | |
|------|-------------|------|--------------|
| 85. | Al-Burūj | 86. | Al-Tariq |
| 87. | Al-'Alā | 88. | Al-Ghāsyiyat |
| 89. | Al-Fajr | 90. | Al-Balad |
| 91. | Al-Syams | 92. | Al-Layl |
| 93. | Al-Duhā | 94. | Al-Syarḥ |
| 95. | Al-Tin | 96. | Al-'Alaq |
| 97. | Al-Qadr | 98. | Al-Bayyinat |
| 99. | Al-Zalzalat | 100. | Al-'Ādiyat |
| 101. | Al-Qāri'at | 102. | Al-Takāthur |
| 103. | Al-'Asr | 104. | Al-Humazat |
| 105. | Al-Fil | 106. | Al-Quraysy |
| 107. | Al-Mā'ün | 108. | Al-Kauthar |
| 109. | Al-Kafirūn | 110. | Al-Nasr |
| 111. | Al-Lahab | 112. | Al-Ikhlas |
| 113. | Al-Falaq | 114. | Al-Nās |